

## PENGARUH FAKTOR MINAT, MOTIVASI, PERSEKITARAN SEKOLAH, KAEDAH PEMBELAJARAN PELAJAR DAN STRATEGI PENGAJARAN GURU TERHADAP TAHAP LITERASI PELAJAR DALAM BIDANG QIRAAT

*Azri Kifli<sup>1</sup>, Jahidih Saili<sup>2</sup>, Azmil Hashim<sup>3</sup>*

*Universiti Pendidikan Sultan Idris<sup>1,3</sup>, Universiti Teknologi Mara (UiTM)<sup>2</sup>*

*azrikifli@gmail.com<sup>1</sup>, jahidihsaili@gmail.com<sup>2</sup>, azmil@fsk.upsi.edu.my<sup>3</sup>*

### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh faktor minat, motivasi, persekitaran sekolah, kaedah pembelajaran pelajar dan strategi pengajaran guru terhadap tahap literasi pelajar tingkatan empat KKQ di SMKA Negeri Sabah dalam bidang Qiraat. Pelajar yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 123 orang. Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan dan data kajian diperoleh dengan menggunakan sebuah instrumen soal selidik. Kesahan data ditentukan dengan menubuhkan panel rujukan pakar. Data dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai min, sisihan piawai dan interpretasi min bagi konstruk yang dikaji. Hasil kajian rintis mendapati kebolehpercayaan alat kajian berdasarkan *alfa Cronbach* berada pada tahap tinggi iaitu >0.80. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor minat, motivasi, persekitaran sekolah, kaedah pembelajaran pelajar dan strategi pengajaran guru berpengaruh terhadap tahap literasi pelajar dalam bidang qiraat pada tahap sederhana tinggi. Justeru, faktor-faktor ini perlu diberikan perhatian oleh guru KKQ kerana tahap literasi pelajar yang tinggi dalam bidang qiraat menunjukkan pelajar tahu, faham dan dapat menguasai pembelajaran sekaligus menjadi aset dalam menentukan kejayaan sesuatu pengajaran ataupun program yang dilaksanakan sama ada pada peringkat sekolah mahupun kementerian, lebih-lebih lagi Bahagian Pendidikan Islam (BPI).

### PENGENALAN

Qiraat merupakan salah satu daripada cabang ilmu al-Quran. Ia berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud bacaan. Ilmu Qiraat telah diasaskan secara ilmiahnya oleh Abu 'Amr Hafis ibn 'Umar al-Duri (Riswadi Azmi, 2012). Ramai ulama yang mendefinisikan ilmu qiraat ini dari sudut istilah. Antaranya ialah Ibnu al-Jazari yang berpendapat bahawa Ilmu Qiraat merupakan ilmu yang menjelaskan kaedah menyebut kalimah-kalimah di dalam al-Quran di samping menjelaskan perbandingan bacaan antara imam-imam Qiraat (Nabil Muhammad Ali, 2002).

Muhammad Salim Muhaysin (1978) iaitu tokoh ilmu Qiraat di abad ke-20 menyatakan bahawa ilmu Qiraat ialah suatu ilmu tatacara praktikal kalimah-kalimah al-Quran, perselisihannya sama ada takhfif dan tasydid dan perselisihan bacaan lafaz- lafaz wahyu pada huruf-hurufnya yang disandarkan kepada pembawanya (Sabri dan Zulkifli, 2010). Sa'aban (1999) juga turut berpendapat bahawa konsep ilmu Qiraat tidak sama dengan konsep ilmu tajwid begitulah juga dengan cabang-cabang ilmu al-Quran yang lain seperti tafsir, ulum al-Quran dan Resam Uthmani.

Al-Quran bukan sahaja dibaca dengan satu cara, akan tetapi ianya juga dibaca dengan pelbagai cara mengikut Qiraat yang diambil daripada Rasulullah s.a.w. Beliau membenarkan para sahabat untuk membaca al-Quran mengikut lajiah atau dialek masing-masing. Hal ini kerana, mereka menggunakan bahasa Arab dalam dialek seharian mereka yang mana sama seperti bahasa yang diturunkan kepada al-Quran. Oleh yang demikian, terjadilah bacaan yang berbeza-beza (An-Nadawi, 2010).

Dalam hadis-hadis Rasulullah SAW ada menceritakan perihal ini, antaranya ialah hadis pertama yang diriwayatkan oleh Ibnu Abbas r.a, seperti mana sabda baginda:

أقرأين جبريل على حرف رافجته فلم أزل أستزیده ويزیدین حت انتهى إبل سبعة أحرف

*Maksudnya: "Jibril a.s. membacakan kepada aku al-Quran dengan satu cara sahaja, maka aku berulang-ulang meminta supaya ditambah bacaan lain, dan Jibril pun menambahnya hinggalah lengkap tujuh perbezaan bacaan".*

*(Muhammad bin Ismail al-Bukhari. Sahih al-Bukhar. Bab Zikri al-Malaikah. Hadis no.2999).*

Menurut al-Imam Badruddin al-Zarkasyi, al-Quran dan al-Qiraat adalah berbeza pada hakikatnya. Al-Quran adalah wahyu yang diturunkan kepada nabi Muhammad SAW sebagai penerang dan mukjizat. Manakala al-Qiraat ialah perbezaan lafaz-lafaz wahyu yang disebut dalam huruf dan cara menyebutnya, iaitu dari takhfif, tasydid dan selainnya dan mesti melalui proses talaqqi dan musyafahah kerana al-Qiraat tidak boleh (dihukum sebagai al-Qiraat) kecuali dengan cara al-sima' dan al-musyafahah (Shahrin Nizam, 2006). Walaupun demikian, menurut Muhammad Salim Muhaysin, para ulama bersepakat mengatakan bahawa al-Quran dan al-Qiraat adalah berkait rapat antara keduanya kerana masing-masing adalah berkait dengan wahyu daripada Allah SWT (Shahrin Nizam, 2006).

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Masyarakat Malaysia sudah menunjukkan minat yang amat besar terhadap al-Quran. Perkara ini dapat dilihat dengan adanya pusat-pusat pengajian al-Quran yang telah menyediakan pelbagai program berkaitan al-Quran. Program-program yang dilaksanakan adalah bermula daripada kelas untuk kanak-kanak sehingga kepada orang-orang dewasa. Terdapat juga institusi yang melaksanakan program untuk mengajar al-Quran kepada orang kurang upaya (OKU). Satu perkembangan yang menggalakkan juga apabila semakin ramai di kalangan masyarakat yang berminat untuk belajar dan membaca al-Quran dengan qira'at-qira'at lain yang tidak lazim dibaca oleh masyarakat di Malaysia, iaitu Riwayat Hafs'an 'Asim, khususnya Riwayat Warsy (Ab Rahman al-Qari, 2003).

Menurut Emran Hj Bakar (1995), ilmu Qiraat bukanlah satu ilmu yang baru, bahkan ia merupakan ilmu yang sememangnya telah sedia wujud sejak zaman Rasulullah SAW lagi. Namun demikian, perkembangannya di Malaysia adalah tidak memberangsangkan. Pembelajaran dan pengajaran ilmu Qiraat tidak banyak dijalankan secara formal sehingga ada masyarakat yang mencari-cari di mana ada kelas ataupun pengajian yang dijalankan. Masyarakat lebih terdedah dengan satu Qiraat yang sememangnya digunakan dalam Malaysia iaitu Qiraat Hafs dari Imam 'Asim.

Walaupun begitu, ada juga institusi pengajian tinggi awam dan swasta yang menawarkan pembelajaran ilmu Qiraat sebagai salah satu cabang dalam bidang pengajian Islam. Institusi-institusi tempatan ini telah berusaha dan mengorak langkah untuk mengembangkan ilmu ini. Antara institusi terawal yang melaksanakan pengajian qiraat secara formal adalah Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat di Kuala Kubu Baharu. Selain itu, terdapat juga sekolah yang menerapkan subjek Qiraat kepada para pelajar menerusi Kelas Khas Kemahiran Membaca dan Menghafaz al-Quran (KKQ) dan memasukkannya dalam kandungan kurikulum. Antara kandungan kurikulum KKQ yang lain ialah Tajwid, Hafazan, Ulum al-Quran dan Tarannum. Bagi tingkatan satu hingga tiga kelima-lima kandungan ini digunakan. Bagi tingkatan empat dan lima pula, satu kandungan tidak digunakan iaitu ulum al-Quran. Walau bagaimanapun, kandungan qiraat yang digunakan adalah Qiraat Sab'ie.

Program KKQ dilaksanakan bagi membolehkan pelajar-pelajar membaca dan menghafaz surah-surah tertentu daripada al-Quran secara bertajwid dan mengamalkannya di dalam kehidupan seharian, memahami dan menghayati perkara-perkara yang berkaitan dengan al-Quran merangkumi aspek sejarah penulisan, pengumpulan, pembukuan, surah dan asbab al-nuzul, mengetahui lagu-lagu al-Quran (tarannum) dan mempraktikkannya dalam bacaan harian, dan mengetahui, membezakan dan membaca wajah-wajah bacaan Qiraat Sab'ie.

Sekalipun terdapat susun atur atau panduan dalam pelaksanaan KKQ di sekolah, namun ianya masih mempunyai masalah yang perlu diperbaiki walaupun program ini telah menjangkau usia lebih 25 tahun. Bahkan fenomena ini sebenarnya berlaku di semua sekolah seluruh Malaysia yang mempunyai KKQ (Mohd Aderi, 2011). Salah satu perkara yang perlu diperhatikan untuk memperbaiki masalah-masalah dalam pelaksanaan KKQ adalah dari sudut tahap literasi pelajar dalam satu-satu bidang. Ianya sangat mempengaruhi kerana pelajar yang tahu, faham dan dapat menguasai pembelajaran adalah aset dalam kejayaan sesuatu pengajaran ataupun program yang dilaksanakan sama ada pada peringkat sekolah mahupun kementerian, lebih-lebih lagi Bahagian Pendidikan Islam (BPI).

## **PERNYATAAN MASALAH**

Ilmu al-Quran sudah lama bertapak di Malaysia. Begitu juga dengan ilmu Qiraat yang mana masyarakat Malaysia telah mula didedahkan dengan Qiraat selain Qiraat Hafs dari Imam 'Asim. Menurut Emran Hj. Bakar (1995) pula, jika diteliti pembacaan al-Quran di Malaysia kita hanya dapat mendengar satu jenis bacaan (qiraat) sahaja, sedangkan bacaan-bacaan qiraat yang lain tidak pernah didengar langsung, seolah-olah bacaan al-Quran ini hanya mempunyai satu cara bacaan. Walaupun demikian masih terdapat kelemahan dan kekurangan dalam penguasaan al-Quran dan penyampaian ilmu tersebut termasuklah ilmu Qiraat. (Mohd Hilmi et. al, 2011).


Masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar di Kelas Khas Kemahiran al-Quran melibatkan isi kandungan pelajaran terlalu banyak, kemahiran yang diajar terlalu tinggi, masa pengajaran adalah tidak sesuai dan tidak mencukupi untuk sukatan pelajaran Qiraat Sab'ie, bilik kelas yang digunakan tidak selesa dan tidak kondusif untuk melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran, guru kerap membatalkan kelas, guru tidak menggunakan bahan bantu mengajar, penerangan guru tidak jelas dan sukar difahami (Yusof, 2007 dan Eadil, 2010).

Pelajar-pelajar dalam KKQ mempunyai masalah pada diri mereka sendiri. Mereka sukar untuk menghafaz ayat-ayat Qiraat, dan sukar menghafal bacaan dan cara bacaan yang dipelajari dalam Qiraat Sab'ie (Mohd Hilmi, 2010). Permasalahan ini berlaku disebabkan terdapat pelajar yang kurang minat dan tidak minat terhadap KKQ dan topik sesuatu pelajaran khususnya ilmu Qiraat. (Mohd Hilmi: 2010, Eadil: 2010, Mohammad Marzuqi: 2012). Ianya berkaitan masa pengajaran yang tidak sesuai menyebabkan timbul perasaan tidak minat terhadap pengajaran dan pembelajaran (Eadil, 2010).

Para pelajar sukar untuk mempelajari al-Qiraat al-Sab'ie dalam KKQ ini. Hal ini ada berkaitan dengan penggunaan alat bantu mengajar (ABM) ketika proses pengajaran dan pembelajaran. Terdapat pelajar yang menyatakan bahawa mereka memerlukan teks pengajaran dan pembelajaran sebagai pemudah cara dalam mempelajari al-Qiraat al-Sab'ie (Shahrin Nizam, 2006). Walau bagaimanapun, pelajar-pelajar mengalami masalah dalam proses pengajaran dan pembelajaran apabila guru-guru didapati masih menggunakan ABM yang bersifat tradisional berbanding ABM yang bersifat moden (Mohd Aderi, 2011).

Para pelajar juga menghadapi masalah dalam pembelajaran Qiraat apabila guru Qiraat mempunyai pengetahuan yang terhad dan sederhana dalam ilmu Qiraat. Hal ini ada dinyatakan oleh Mohd Hilmi *et al* (2011) dalam kajian mereka. Apabila guru mempunyai masalah seperti ini, secara tidak langsung ianya memberi kesan terhadap pelajar.

## KERANGKA KONSEPTUAL KAJIAN



Rajah 1: Kerangka Konseptual Kajian diubah suai dari teori Pendidikan Islam Ibnu Khaldun (1995), teori Bronfenbrenner (1979), dan Mohd Aderi Che Noh (2004).

## OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif berikut:

- Mengenal pasti pengaruh faktor minat, motivasi, persekitaran sekolah, kaedah pembelajaran pelajar dan strategi pengajaran guru terhadap tahap literasi pelajar tingkatan empat KKK di SMKA Negeri Sabah dalam bidang Qiraat.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini dilaksanakan secara kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan. Kajian kuantitatif dijalankan untuk mendapatkan fakta menggunakan pengukuran objektif dan analisis statistik data numerik untuk memahami dan menjelaskan sesuatu perkara atau fenomena yang boleh dijadikan panduan kepada amalan dan polisi (Gay & Airasian, 2000). Data atau maklumat kajian diperolehi dan dipungut melalui proses pengukuran dengan penggunaan instrumen atau alat pengukuran seperti soal selidik. Mohd Majid Konting (2004) menyatakan bahawa soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat berkenaan fakta-fakta, kepercayaan perasaan, kehendak dan sebagainya. Data kuantitatif dalam kajian ini diperolehi dengan menggunakan kaedah tinjauan. Menurut Kerlinger (1986), data-data yang dipungut dengan menggunakan kaedah ini pada kebiasaannya tepat.

Kajian yang dijalankan ini melibatkan semua Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) di negeri Sabah. Terdapat 9 buah SMKA di negeri Sabah iaitu SMKA Kota Kinabalu, SMKA Tun Ahmad Shah, SMKA Muhammad Ali Ranau, SMKA Tun Said, SMKA Keningau, SMKA Tun Juhar, SMKA Tun Sakaran, SMKA Tun Datu Mustapha dan SMKA Limauan. Populasi kajian yang terlibat dalam kajian ini adalah seramai 180 orang pelajar. Populasi ini dikira berdasarkan cadangan pengambilan murid dalam sebuah kelas bagi program KKQ adalah tidak melebihi 20 orang di dalam Panduan Pelaksanaan KKQ 2012. Pelajar tingkatan empat dipilih sebagai populasi kajian kerana mereka telah mempelajari semua kemahiran yang perlu diketahui dan dipelajari dalam proses pengajaran dan pembelajaran KKQ.

Sampel kajian ditentukan dengan menggunakan teknik pensampelan rawak mudah. Pengkaji menentukan bilangan saiz sampel pelajar berdasarkan jadual Krejcie R. V dan Morgan D. W (1970). Saiz populasi sebanyak 180 diwakili dengan saiz sampel 123. Oleh yang demikian, populasi pelajar seramai 180 orang akan diwakili oleh saiz sampel pelajar sekurang-kurangnya 123 orang. Saiz sampel ini akan digunakan oleh pengkaji dalam menjalankan penyelidikan.

Instrumen kajian yang digunakan ialah borang soal selidik. Satu bentuk borang atau set soal selidik diedarkan kepada responden untuk mendapatkan maklum balas. Pengkaji menggunakan kaedah soalan tertutup. Kaedah ini dilaksanakan adalah kerana responden akan lebih berani melaksanakan maklum balas tanpa ada gangguan daripada pengkaji. Borang atau set soal selidik ini adalah berkaitan dengan objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi tahap literasi pelajar terhadap bidang Qiraat.

Kesahan kandungan instrumen soal selidik ditentukan dengan menubuhkan panel rujukan pakar yang terdiri daripada empat individu pakar dalam bidang pendidikan Islam, bidang pendidikan al-Quran dan bidang penyelidikan untuk memastikan kesahan kandungan dan kesahan muka. Kebolehpercayaan instrumen kajian merujuk kepada ketekalan dalaman item-item yang digunakan dalam instrumen (Gall, Gall & Borg, 2005). Dalam konteks kajian ini, nilai ketekalan dalaman bagi setiap item instrumen diperolehi dengan menggunakan nilai pekali alfa *koefisien Cronbach*. Hasil analisis menunjukkan, kesemua instrumen dalam kajian ini mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi (>0.80). Justeru instrumen-instrumen ini boleh digunakan dalam kajian sebenar. Analisis data kuantitatif dalam kajian ini dilaksanakan secara deskriptif dengan menggunakan *IBM SPSS V20*.

Jadual 1: Nilai Pekali Kebolehpercayaan Alpha Cronbach

	Bil. Item	Nil. Alpha
Minat	10	0.85
Motivasi	8	0.76
Persekitaran Sekolah	8	0.70
Kaedah Pembelajaran Pelajar	10	0.80
Strategi Pengajaran Guru	9	0.74
Keseluruhan	45	0.92

Analisis ini akan dihuraikan dengan menggunakan jadual interpretasi min tingkah laku afektif yang telah dikemukakan oleh Nunally (1978) seperti dalam jadual berikut:

Jadual 2: *Interpretasi Min Dimensi Tingkah Laku Afektif*

Skor min	Interpretasi
4.01-5.00	Tinggi
3.01-4.00	Sederhana Tinggi
2.01-3.00	Sederhana Rendah
1.01-2.00	Rendah

Sumber: Stufflebeam (1971)

## ANALISIS KAJIAN

Jadual 3 merupakan min, sisihan piawai dan interpretasi min bagi pengaruh faktor minat, motivasi, persekitaran sekolah, kaedah pembelajaran pelajar dan strategi pengajaran guru terhadap tahap literasi pelajar. Dapatan kajian menunjukkan skor min bagi keseluruhan faktor-faktor yang mempengaruhi tahap literasi pelajar ialah 3.77, sisihan piawai 0.55 dan interpretasi adalah pada tahap sederhana tinggi.

Faktor dengan skor min paling tinggi ialah faktor minat iaitu 3.93, sisihan piawai 0.53 dan interpretasi pada tahap sederhana tinggi. Seterusnya ialah faktor motivasi dengan skor min 3.89, sisihan piawai 0.59 dan interpretasi pada tahap sederhana tinggi. Kemudian diikuti faktor strategi pengajaran guru dengan skor min 3.83, sisihan piawai 0.49 dan interpretasi pada tahap sederhana tinggi. Seterusnya ialah faktor persekitaran sekolah dengan memperoleh skor min 3.75, sisihan piawai 0.52 dan interpretasi pada tahap sederhana tinggi. Bagi skor min faktor kaedah pembelajaran pelajar ialah 3.46, sisihan piawai 0.55 dan interpretasi pada tahap sederhana tinggi seterusnya merupakan skor min paling rendah.

Jadual 3: *Pengaruh faktor minat, motivasi, persekitaran sekolah, kaedah pembelajaran pelajar dan strategi pengajaran guru terhadap tahap literasi pelajar*

Pengaruh terhadap tahap literasi pelajar	Min	S.P	Interpretasi
Minat	3.93	0.53	Sederhana tinggi
Motivasi	3.89	0.59	Sederhana tinggi
Persekitaran sekolah	3.75	0.52	Sederhana tinggi
Kaedah pembelajaran pelajar	3.46	0.55	Sederhana tinggi
Strategi pengajaran guru	3.83	0.49	Sederhana tinggi
<b>Min Keseluruhan</b>	<b>3.77</b>	<b>0.44</b>	<b>Sederhana tinggi</b>

Hasil analisis di atas menunjukkan skor min dan interpretasi keseluruhan pengaruh faktor minat, motivasi, persekitaran sekolah, kaedah pembelajaran pelajar dan strategi pengajaran guru terhadap tahap literasi pelajar tingkatan empat KKQ di SMKA Negeri Sabah dalam bidang Qiraat. Berhubung dengan perolehan skor min bagi setiap faktor, didapati bahawa interpretasi berada pada tahap sederhana tinggi. Analisis ini juga menunjukkan bahawa faktor-faktor ini mempengaruhi tahap literasi pelajar. Walau bagaimanapun faktor minat merupakan faktor yang paling mempengaruhi tahap literasi pelajar.

## **PERBINCANGAN**

Catatan skor min keseluruhan bagi faktor minat ini ialah ( $\text{min}=3.93$ ,  $\text{sp}=0.53$ ) dan interpretasi min adalah pada tahap sederhana tinggi. Dapatan kajian ini sekaligus menunjukkan bahawa pelajar mempunyai minat yang baik terhadap bidang qiraat.

Minat merupakan perkara penting dan berpengaruh secara langsung kepada tingkat keberkesanan tahap literasi pelajar KKQ dalam bidang qiraat. Kajian yang lepas daripada Mohd Hilmi (2010), Eadil (2010), dan Mohammad Marzuqi (2012) telah menyatakan terdapat pelajar yang kurang minat dan tidak minat terhadap KKQ dan topik sesuatu pelajaran khususnya ilmu Qiraat. Hal ini terdapat perbezaan dengan kajian ini yang mana minat pelajar dalam bidang qiraat ini semakin meningkat.

Dapatan kajian mengenai faktor motivasi berpengaruh terhadap tahap literasi pelajar dalam bidang qiraat pada tahap sederhana tinggi. Hal ini dibuktikan dengan perolehan skor min keseluruhan item ( $\text{min}=3.88$ ,  $\text{sp}=0.59$ ). Pelajar KKQ secara umumnya mempunyai motivasi yang baik dalam mempertingkatkan tahap literasi mereka dalam bidang qiraat ini. Berdasarkan kajian ini, guru adalah berperanan penting memberikan galakan kepada pelajar untuk mempelajari ilmu Qiraat. Ini bertepatan dengan kajian Mohd Hilmi (2010) yang menyatakan bahawa pelajar-pelajar KKQ mempunyai masalah pada diri mereka sendiri.

Faktor persekitaran sekolah mempunyai interpretasi pada tahap sederhana tinggi iaitu ( $\text{min}=3.75$ ,  $\text{sp}=0.52$ ). Hal ini membuktikan bahawa faktor persekitaran adalah salah satu faktor yang mampu mempengaruhi tahap literasi pelajar dalam bidang qiraat. Berdasarkan kajian ini suasana kelas seperti penyediaan kelas yang kondusif semasa pengajaran dan pembelajaran adalah penting kerana majoriti pelajar menyetujuinya seperti mana yang terdapat dalam item soalan kaji selidik iaitu sebanyak 74.8% lebih-lebih lagi dalam bidang qiraat.

Iklim sekolah yang kondusif serta dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang canggih akan meningkatkan perkembangan kognitif, afektif dan psikomotor murid ke tahap yang lebih tinggi (Mok Soon Sang, 2013). Kajian lepas daripada Yusof (2007) dan Eadil (2010) ada menyatakan bilik kelas yang digunakan untuk proses pengajaran dan pembelajaran adalah tidak selesa dan tidak kondusif. Terdapat perbezaan yang ketara dalam kajian ini yang mana para pelajar merasa selesa dengan adanya kelas yang kondusif. Hal ini bermaksud adanya perkembangan yang baik dari sudut prasarana dan kemudahan pengajaran dan pembelajaran dari semasa ke semasa.

Secara keseluruhannya, dapatan kajian mengenai faktor kaedah pembelajaran yang mempengaruhi tahap literasi pelajar dalam bidang qiraat menunjukkan ( $\text{min}=3.45$ ,  $\text{sp}=0.55$ ) dan berada pada tahap sederhana tinggi. Dapatan ini menunjukkan bahawa para pelajar memerlukan pendekatan atau kaedah pembelajaran yang sesuai untuk meningkatkan tahap literasi qiraat mereka. Antara kaedah yang digunakan adalah kaedah bertanya, kaedah merujuk, kaedah menghafal, kaedah mengulang dan kaedah menulis. Walau bagaimanapun pelajar lebih cenderung menggunakan kaedah rujukan iaitu merujuk kepada guru KKQ berbanding kaedah-kaedah yang lain seperti menghafal dan mengulang. Kajian lepas daripada Mohd Hilmi (2010) menyatakan pelajar sukar menghafaz ayat-ayat qiraat, dan sukar menghafal bacaan dan cara bacaan yang dipelajari dalam Qiraat Sab'ie. Terdapat perbezaan dalam kajian ini yang mana pelajar menggunakan kaedah menghafal lebih ramai berbanding yang tidak menggunakannya iaitu sebanyak 65.8%.

Merujuk kepada kajian, faktor strategi pengajaran guru yang mempengaruhi tahap literasi pelajar dalam bidang qiraat mendapati bahawa skor min ( $\text{min}=3.83$ ,  $\text{sp}=0.49$ ) berada pada tahap sederhana tinggi. Ini menunjukkan juga bahawa guru KKQ menggunakan pelbagai kaedah pengajaran dalam proses pengajaran dan pembelajaran qiraat di sekolah. Pelbagai teknik yang digunakan dalam kaedah pengajaran antaranya menggunakan bahasa yang mudah dan jelas. Walau bagaimanapun kajian juga mendapati bahawa 51.2% pelajar bersetuju guru menggunakan Bahan Bantu Mengajar (BBM) yang terkini semasa proses pengajaran dan pembelajaran dan merupakan antara item yang mempunyai skor min paling rendah. Hal ini ada juga dinyatakan dalam kajian Mohd Aderi (2011) iaitu guru-guru didapati masih menggunakan Alat Bantu Mengajar (ABM) yang bersifat tradisional berbanding ABM yang bersifat moden.

## **IMPLIKASI KAJIAN**

Secara keseluruhannya, faktor minat, motivasi, persekitaran sekolah, kaedah pembelajaran sekolah dan strategi pengajaran guru memberi impak kepada tahap literasi pelajar dalam bidang qiraat. Oleh yang demikian, semua pihak terutama guru harus memupuk perasaan minat pelajar terhadap bidang qiraat dalam KKQ ini. Guru seharusnya menarik perhatian pelajar dengan menanamkan minat yang mendalam dan memberikan galakan kepada pelajar (Abu Najihat: 2002, Muhammad Muhsin: 1994).

Faktor motivasi pula merupakan salah satu faktor yang penting untuk meningkatkan tahap literasi pelajar dalam bidang qiraat. Ia perlu dilihat dengan lebih mendalam oleh guru, ibu bapa dan pihak sekolah dalam membantu para pelajar. Dengan adanya bantuan, ianya akan memberi kesan positif terhadap tahap motivasi pelajar (Pitman, 1988). Selain itu, sekolah perlu memainkan peranan sebagai agen perubahan dalam memperkembangkan potensi pelajar secara menyeluruh dan bersepadu demi mewujudkan insan yang harmonis dan seimbang dari aspek intelek, rohani, emosi dan jasmani. Ngalm (1990) berpendapat bahawa suasana sekolah yang selesa, saiz kelas yang tidak sempit dan bersih penting dalam memberikan keselesaan kepada para pelajar bagi mengikuti proses pembelajaran. Sebaliknya suasana pembelajaran yang tidak selesa akan mendorong para pelajar untuk kurang menumpukan perhatian dalam pembelajaran.

Guru KKQ harus mengenal pasti kaedah pembelajaran pelajar mereka untuk memperoleh keberkesanan pembelajaran pelajar secara optimum. Walau bagaimanapun setiap pelajar mempunyai gaya atau kaedah pembelajaran yang berbeza (Mok Soon Sang, 2013). Oleh itu, tiada satu sahaja kaedah yang bersifat sempurna untuk proses pembelajaran pelajar dalam sesuatu kelas. Strategi pengajaran guru memberikan impak yang tinggi dalam mempengaruhi tahap literasi pelajar. Sejalan dengan itu, guru perlulah bersedia semaksima mungkin dalam menyampaikan ilmu qiraat kepada para pelajar agar mereka mampu mengadaptasinya dalam proses pembelajaran. Guru perlu mempunyai kemahiran dalam mempelbagaikan kaedah atau strategi pengajaran untuk menjamin kelancaran proses pengajaran seperti mana yang dinyatakan oleh Abdul Ghafar (2003), impak kepada pemilihan kaedah pengajaran yang tepat dapat menjamin kelancaran pelaksanaan pengajaran. Perlu diingatkan juga, tidak terdapat satu-satu kaedah terbaik sesuai untuk semua mata pelajaran sebaliknya ia bergantung pada masa, tempat dan pelajar (Hassan Langgulung, 1981).

## **KESIMPULAN**

Pengaruh faktor minat, motivasi, persekitaran sekolah, kaedah pembelajaran pelajar dan strategi pengajaran guru terhadap tahap literasi pelajar KKQ di SMKA negeri Sabah berada pada tahap sederhana tinggi. Faktor dengan pengaruh yang paling tinggi adalah faktor minat. Rata-rata



pelajar berasakan kerugian sekiranya tidak mahir dalam ilmu Qiraat. Pelajar perlu ada minat dalam melakukan sesuatu dan diinterpretasikan dengan sebaik mungkin. Jika pelajar tidak berminat akan sesuatu perkara, ianya agak mustahil untuk dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Hal ini juga ada dinyatakan dalam kajian Muhamad Abdillah & Haleefa (2011) iaitu minat adalah penentu kepada kejayaan bagi sesuatu pembelajaran. Walau bagaimanapun, faktor-faktor lain juga perlu diberikan perhatian oleh guru KKQ kerana tahap literasi pelajar yang tinggi dalam bidang qiraat menunjukkan pelajar tahu, faham dan dapat menguasai pembelajaran sekaligus menjadi aset dalam menentukan kejayaan sesuatu pengajaran ataupun program yang dilaksanakan sama ada pada peringkat sekolah mahupun kementerian, lebih-lebih lagi Bahagian Pendidikan Islam (BPI).

## RUJUKAN

Al-Quran al-Karim

- Abdul Ghafar Mohammad. 2003. *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Distributors Sdn Bhd.
- Abdul Karim & al-Zabnu, Hassan. 1968. *Tarikh al-'Alamah Ibnu Khaldun*, Jld 1. Beirut: Dar al-Kitab al-Banani
- Abu Najihat Al-Hafiz. 2002. *Panduan Bagi Hafiz-Hafizah dan Qari dan Qari'ah*. Selangor: Penerbit Darul Iman.
- Al-Nukmy, Abdullah Amin. 1995. *Kaedah dan Kurikulum Pendidikan Islam Menurut Ibnu Khaldun dan al-Qabisi*. Kuala Lumpur : Pustaka Syuhada.
- Ab Rahman al-Qari Abdullah. 2003. *Bacaan Al-Quran Menurut Qira'at Nafi': Kajian di Maahad Tahfiz Al-Quran Pulau Chondong, Kelantan*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Az-Zubidi, Imam. 2004. *Mukhtasar Shahih al-Bukhari*. Kuala Lumpur: Percetakan Zafar Sdn. Bhd.
- Bronfenbrenner, U. 1997. The ecology of cognitive development: Research models and fugitive findings. In R. H. Wozniak & K. W. Fischer (Eds,) *Development in context*. Hillsdale, HJ: Erlbaum.
- Bronfenbrenner, U. 1995. Toward an experimental ecology of human development. *American Psychologist*. Vol.32 : 513-531.
- Bronfenbrenner, U. 1979. *The Ecology of Human Development. Experiments by Nature and Design*. Cambridge, MA: Harvard University Press.
- Eadil Mat. 2010. *Kelas Khas Kemahiran al-Quran (KKQ): Kajian Kaedah Pelaksanaan dan Keberkesanannya di Sekolah-Sekolah Menengah (SMK) di Daerah Gombak, Selangor*. Disertasi Sarjana Usuluddin, Jabatan al-Quran dan al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Emran Hj Bakar. 1995. *Al-Qiraat al-Quraniyyat Sebagai Satu Aspek Fonologi Bahasa Arab*. Disertasi Sarjana Pengajian Bahasa Moden, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya.
- Gay, L. R & Airasian, P. 2000. *Educational Research: Competencies for analysis and application*. New Jersey: Merrill.
- Hassan Langgulung. 1981. *Beberapa Tinjauan dalam Pendidikan Islam*. Kuala Lumpur: Pustaka Aman.
- Kerlinger, F.N.. 1986. *Foundation of Behavioral Research* (Edisi Ke-2). New York: Halt Rinehart and Winston.
- Mohd Aderi Che Noh. 2004. *Celik al-Quran di Kalangan Pelajar Tingkatan Satu Zon Pudu Kuala Lumpur*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Mohd Aderi Che Noh. 2011. Pelaksanaan Kelas Kemahiran al-Quran di Malaysia: Satu Analisis. *Journal of Islamic and Arabic Education*.3(1). 2011. Hlm 47- 58.
- Mohd Hilmi Rozali, e.t al. 2011. Pemahaman Guru Tentang Konsep Asas Ilmu Qiraat, Qiraat Imam 'Asim dan Qiraat Imam Hamzah. *Journal of Islamic and Arabic Education*. 3(2), 2011. Hlm 61-72.
- Mohd Majid Konting. 2004. *Penyelidikan Dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Mohd. Majid Konting. 2005. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohammad Marzuqi Abdul Aziz. 2012. *Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Qiraat Sab'ah: Kajian Kes di Dua Buah Sekolah Menengah*. Laporan Penyelidikan Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Mok Soon Sang. 2013. *Psikologi Pendidikan untuk Pengajaran & Pembelajaran*. Selangor: Penerbitan Multimedia Sdn. Bhd.
- Nabil Muhammad Ali Ismail. 2002. *Al-Imam Ibn al-Jazari wa Juhuduh fi 'Ilm al- Qiraat*. Riyadh: Dar Ibn Hazm.
- Ngalim Purwanto. 1990. *Psikologi Pendidikan*. Bandung: Rosdakarya.
- Pitman, T. R. 1988. Teaching entrepreneurship: Removing the myths. *Business Education Forum*, 42, 31-32.
- Riswadi Azmi. 2012. *Kesalahan Huraian Ilmu Qiraat: Kajian Terhadap Karya Ilmu Qira'ah al-Quran Pelajaran Qiraat al-Sab'ah (Qiraat Tujuh) Susunan Drs. Abdul Malik Yamint*. Disertasi Sarjana Jabatan al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Sa'aban Muhammad Ismail. 1999. *Al-Qiraat Ahkamuha Wa Masdaruha*. Kaherah Mesir: Darus Salam.
- Sabri Mohamad & Zulkifli Mohd Yusof. 2010. Syaykh Muhammad Salim Muhaysin: Tokoh Ilmu Qiraat Di Abad Ke-20. *Jurnal Usuluddin*. Bil.31. Januari –Jun 2010. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Shahrin Nizam Muhammad Sukarman. 2006. *Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran al-Qiraat al-Sab' di Kelas Kemahiran al-Quran di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama Negeri Selangor Darul Ehsan*. Disertasi Sarjana Pengajian Islam, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Surur Shihabuddin an-Nadawi, 2010. *Ilmu Tajwid Menurut Riwayat Hafs 'An 'Asim Melalui Toriq Asy-Syatibiyyah*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn Bhd.
- Yusof bin Abdul Kadir. 2007. *Analisis Diskrepansi Pelaksanaan Kurikulum Qiraat Sab'ah di Sebuah Sekolah Menengah*. Laporan Penyelidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.